



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

APAD MEMBUKA PERMOHONAN KELAS LESEN TEKSI DAN KERETA SEWA KEPADA INDIVIDU AWAM DI BAWAH PERNIAGAAN MILIKAN TUNGGAL DAN PERKONGSIAN

1. Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Lesen Teksi dan Kereta Sewa merupakan perkhidmatan pengangkutan yang mempunyai daya tarikan tersendiri kepada penumpang dalam membantu urusan pergerakan harian. Kerjaya pemandu teksi juga menjadi pilihan kepada sebahagian masyarakat setempat dalam usaha meneruskan ekonomi semasa keluarga.
2. Terdapat permintaan daripada orang awam yang berhasrat untuk memiliki Lesen Teksi sendiri namun begitu syarat sedia ada sukar dipenuhi. Selain itu, pemandu teksi sedia ada turut menyuarakan hasrat untuk memiliki lesen sendiri namun demikian syarat pengalaman memandu teksi sehingga tiga tahun menyebabkan permohonan mereka tertangguh. Ketetapan syarat tersebut adalah sebahagian daripada syarat yang ditetapkan dibawah Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang diperkenalkan sejak tahun 2016. Dalam usaha merancakkan lagi industri teksi, maka Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah bersetuju supaya permohonan Lesen Kelas Teksi dan Kereta Sewa dibuka permohonan kepada individu awam di bawah perniagaan Milikan Tunggal dan Perkongsian.
3. Sehubungan itu, MOT dengan ini mengumumkan permohonan Lesen Teksi dan Kereta Sewa akan dibuka, bermula pada 18 April 2022 sehingga 30 Jun 2022 di semua Pejabat Wilayah APAD dan kaunter APAD di cawangan JPJ negeri. Maklumat lanjut mengenai syarat permohonan boleh didapati dan dimuat turun melalui laman portal rasmi APAD iaitu <https://www.apad.gov.my>.
4. Sebagai permulaan, kuota kelulusan Lesen Teksi dan Kereta Sewa ditetapkan sebanyak 1,000 lesen bagi tahun 2022. Pihak APAD akan menganalisis semua permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan. Sekiranya jumlah permohonan yang layak dan menepati syarat yang ditetapkan melebihi kuota, maka pihak APAD akan mempertimbangkan kuota tambahan yang sewajarnya.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

5. Syarat permohonan kali ini juga berbeza di mana APAD telah memansuhkan keperluan syarat pengalaman memandu teksi atau kereta sewa antara satu hingga tiga tahun yang termaktub di bawah Program Transformasi Industri Teksi (TITP) sebelum ini. Namun yang demikian, syarat-syarat lain masih dikenakan bagi memastikan penyertaan pemohon adalah kekal berdaya saing dan berkualiti dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penumpang.
6. Pembukaan kepada umum permohonan Lesen Teksi dan Kereta Sewa juga dijangka membantu pemandu teksi sedia ada memiliki lesen sendiri dan mengatasi isu sewa pajak lesen yang dianggap tidak adil serta membebaskan pemandu sebelum ini. Dalam masa yang sama, pengumuman ini juga diharapkan dapat membuka peluang kepada pemain-pemain baharu terutamanya generasi muda untuk menceburi sektor pengangkutan awam sekaligus merancakkan lagi ekonomi negara.
7. MOT amat komited dalam usaha mewujudkan persekitaran industri teksi yang berdaya saing dan perkhidmatan yang mesra pengguna serta selari dengan peningkatan teknologi semasa kearah memberikan perkhidmatan yang terbaik lagi berkualiti. Pihak Kementerian menyeru kepada mana-mana pihak yang berminat dan berkelayakan untuk sama-sama mengambil peluang ini.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
15 APRIL 2022

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723

Faks +603 8892 0208

E-mel aduan@mot.gov.my

